

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PERBANDARAN RENDAH KARBON
BANDAR BARU BANGI BIL.02/2018**

**TARIKH : 04HB. JUN 2018 (ISNIN)
MASA : 2.00 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT CEMPAKA PUTIH
TINGKAT 7, MENARA MPKj**

SENARAI KEHADIRAN

Hadir:

1. Haji Najmuddin Bin Jemain : Timbalan Yang Dipertua, MPKj
Pengerusi
2. En. Mohamad Zikri Bin Ibrahim : Pegawai Kesihatan Persekitaran,
Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal & Pembersihan Awam,
MPKj
3. En. Abdul Halim Bin Samah : Jurutera,
Jabatan Kejuruteraan, MPKj
4. Pn. Roslinda Binti Ismail : Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran
(K), Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal & Pembersihan Awam,
MPKj
5. Cik Khairani Binti Kamaludin : Pen. Pegawai Seni Bina (Kanan)
Jabatan Kawalan Bangunan,
MPKj
6. Pn. Zuraidah Binti Osman : Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran,
Pepejal & Pembersihan Awam,
MPKj
7. En. Pakhrudin Bin Abdullah : Penolong Pegawai Pertanian,
Jabatan Landskap dan Rekreasi,
MPKj
8. Pn. Siti Nadiha Binti Mohd Ismail : Pen. Pegawai Landskap,
Jabatan Landskap dan Rekreasi,
MPKj

9. En. Khairul Azman Bin Isharudin : Penolong Pegawai Tadbir,
Jabatan Perlesenan dan Penjaja,
MPKj
10. Cik Nadhirah Binti Mohd Noor : Pen. Peg. Tadbir,
Jabatan Korporat &
Pembangunan Masyarakat, MPKj

URUSETIA

1. En. Low Kar Yong : Peg. Perancang Bandar & Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj
2. En. Norsaini Bin Mat Isa : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa
(Kanan), Jabatan Perancangan
Pembangunan, MPKj
3. Cik. Umi Noor Aqila Binti Zakaria : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj

1.0 UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran semua yang dapat hadir di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.2/2018.
- 1.2 Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat ini telah beberapa kali ditunda atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Beliau juga memaklumkan mengenai Majlis Perbandaran Klang yang telah mendapat anugerah di negara Jerman atas Inisiatif Hijau dan beliau berharap pihak MPKj juga sedang menuju ke arah untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa.
- 1.3 Pengerusi memaklumkan bahawa objektif mesyuarat ini diadakan adalah bertujuan mengemaskini status pelaksanaan oleh jabatan-jabatan yang terlibat berdasarkan cadangan tindakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.1/2018 yang lalu.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT LEPAS

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.1/2018 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 PERBINCANGAN PROGRAM TINDAKAN

- 3.1 Wakil Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) memaklumkan bahawa mesyuarat bersama wakil dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Perniagaan Logam KSS SDN.BHD telah diadakan pada 05 Mac 2018 bagi memperincikan tindakan yang akan dilaksanakan di kawasan kajian.
- 3.2 Wakil JPSPPA memaklumkan bahawa pemasangan *bunting* dan *banner* disekitar jalan utama di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi telah dilaksanakan pada 13 Mac 2018. Pemasangan *bunting* dan *banner* adalah bertujuan mempromosikan Program Pengurusan Sisa kepada orang ramai terutamanya peniaga-peniaga di sekitar kawasan tersebut.
- 3.3 Wakil JPSPPA juga memaklumkan bahawa pengagihan tong minyak masak, tong sisa kompos dan plastik beg hijau untuk kitar semula telah dijalankan pada 14 Mac 2018 kepada peniaga-peniaga yang dikenalpasti di sekitar Pusat Bandar, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.

PROGRAM KOMPOS

- 3.4 Wakil JPSPPA memaklumkan langkah-langkah yang telah diambil bagi melaksanakan Program Kompos adalah seperti berikut:
- i. Aktiviti kutipan sisa makanan untuk kompos telah dijalankan oleh anggota-anggota Jabatan bermula pada 15 Mac 2018 di sekitar 60 kedai makanan dalam Pusat Bandar, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.
 - ii. Sisa-sisa makanan tersebut akan dikumpul bagi tujuan pengkomposan ditapak kompos Seksyen 13, Bandar Baru Bangi. Hasil kompos tersebut dijadikan baja dan boleh dijual serta digunakan untuk tujuan *nursery* MPKj.
 - iii. Hasil kutipan kompos bagi tempoh 15 Mac hingga 16 Mei adalah sebanyak 39.025 tan dengan purata 19.51 tan/bulan. Hasil kutipan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan sasaran perunding 0.85 tan/bulan dan MPKj 9.12 tan/bulan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

PROGRAM KITAR SEMULA MINYAK TERPAKAI

3.5 Wakil JPSPPA memaklumkan pelaksanaan Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai di kawasan kajian adalah seperti berikut:

- i. Pihak UNITEN telah mengumpul minyak masak terpakai dari kedai-kedai makan yang dikenalpasti pada setiap hari Isnin.
- ii. Hasil kutipan minyak masak terpakai bagi tempoh 15 Mac hingga 16 Mei adalah sebanyak 4.67 tan dengan purata 2.335 tan/bulan. Hasil kutipan ini adalah lebih rendah berbanding dengan sasaran pihak Perunding 10.63 tan/bulan dan sasaran MPKj sebanyak 7.53 tan/bulan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

PROGRAM PENGASINGAN SAMPAH

3.6 Wakil JPSPPA membentangkan tindakan-tindakan yang telah diambil bagi Program Pengasingan Sampah seperti berikut:

- i. Kakitangan Perniagaan Logam KSS Sdn Bhd telah mengutip sisa kitar semula dari premis-premis yang dikenalpasti pada setiap hari Khamis.
- ii. Hasil kutipan bagi barangan kitar semula bagi tempoh 15 Mac hingga 16 Mei adalah sebanyak 2.526 tan dengan purata 1.263 tan/bulan. Kutipan ini adalah lebih rendah berbanding dengan sasaran pihak Perunding sebanyak 17 tan/bulan dan sasaran MPKj sebanyak 10.20 tan/bulan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

PROGRAM PENANAMAN POKOK

3.7 Wakil Jabatan Landskap dan Rekreasi membentangkan Program Penanaman Pokok seperti berikut:

- i. Berdasarkan cadangan kos perbelanjaan bagi keseluruhan program tersebut adalah sebanyak RM 278,300.00 dan pihak Jabatan Landskap dan Rekreasi mempunyai peruntukan sebanyak RM100,000.00. Manakala selebihnya akan diusahakan melalui mekanisme pelaksanaan yang lebih sesuai.
- ii. Wakil jabatan Landskap mencadangkan 7 spesies pokok jenis yang sesuai untuk ditanam kerana fungsi penyerapan karbon adalah lebih tinggi dan kos penyediaan adalah lebih ideal.

***Tindakan: Jabatan Landskap dan
Rekreasi, MPKj***

- 3.8 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan memaklumkan bahawa jumlah hasil kutipan semasa diterima oleh pihak Majlis (23.11 tan/bulan) adalah lebih rendah berbanding dengan sasaran pihak perunding (28.48 tan/bulan) untuk mencapai 4% pengurangan pelepasan karbon. Kelayakan untuk mendapatkan pengiktirafan Sijil Berlian dari pihak Greentech adalah mencapai sekurang-kurangnya pengurangan 1% pelepasan karbon dan tindakan semasa pihak Majlis adalah mencukupi dengan pencapaian kutipan purata 23.11 tan/bulan.

Tindakan: Makluman

- 3.9 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj memaklumkan bahawa peruntukan oleh Kerajaan Negeri sejumlah RM30,000.00 telah diterima dan pihak JPSPPA akan menggunakan peruntukkan tersebut bagi tujuan pembelian 'mechine mixer' untuk kelancaran kerja-kerja pengkomposan.

Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj

- 3.10 Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat, MPKj akan mengambil tindakan untuk mengadakan satu program pelancaran di kawasan Pusat Bandar, Bandar Baru Bangi bagi meningkatkan kesedaran dan publisiti kepada peniaga-peniaga berhubung program pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh pihak Majlis.

Tindakan: Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat,MPKj

4.0 HAL-HAL LAIN

- 4.1 Wakil JPSPPA bercadang program pelancaran perlu diadakan dan 5 set tong kitar semula ditempatkan dengan kos RM22,500.00 dalam kawasan kajian untuk meningkatkan hasil kutipan dan sekurang-kurangnya mencapai tahap lebih tinggi daripada jangkaan atau sasaran minimum yang ditetapkan.

Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj

5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 5.1 Seterusnya Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 03.10 petang

Disediakan oleh:




(UMI NOOR AQILA BINTI ZAKARIA)
Pen. Pegawai Perancangan Bandar dan Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang

Disemak oleh:



(LOW KAR YONG)
Pegawai Perancang Bandar dan Desa (K),
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang.

Disahkan oleh:



(HAJI NAJMUDDIN BIN JEMAIN)
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang